

**Bahagian A: (5 markah)**

*Pilih perkataan yang seerti/seiras maknanya dengan perkataan yang bergaris bawah di dalam setiap item ini.*

1. Bapa Salleh ialah seorang doktor.

guru  
askar  
tabib  
kerani

2. Ibu pergi ke pasar dengan membawa sebuah bakul.

kotak  
raga  
dompok  
peti

3. Semalam, Ali dan anggota keluarganya telah pergi berkelah di Sentosa.

badan  
ahli  
seluruh  
orang

4. Kocek baju Kassim koyak.

Butang  
Leher  
Lengan  
Saku

5. Di atas kek itu ada tiga batang lilin.

kayu  
mancis  
dian  
lampu

**Bahagian B: (5 markah)**

*Pilih perkataan yang berlawan/berpasang maknanya dengan*

*perkataan yang bergaris bawah di dalam setiap item ini.*

1. Dia ambil hadiah pemberian ibu dengan gembira.

beri  
angkat  
pijak  
buka

2. Kaki kiri pemandu itu patah.

belakang  
kanan  
atas  
tengah

3. Kamal tidak berdaya mengangkat beg yang berat itu.

sukar  
bulat  
ringan  
mampat

4. Mak Munah ada dua orang anak perempuan.

lelaki  
betina  
teruna  
datuk

5. Bapa Salmah sangat gemuk.

gempal  
malas  
bengis  
kurus

**Bahagian C: (10 markah)**

*Baca potongan karangan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya.*

Pada hari Sabtu yang lalu, Maria sibuk membantu ibunya untuk mengemas rumah kerana keesokan harinya ialah hari lahir Maria

yang kesepuluh. Selepas mengemas, Maria membantu ibunya membuat kek hari lahirnya. Setelah siap adunan kek tersebut, ibu masukkan ke dalam ketuhar untuk dibakar. Bapa Maria telah pergi ke pasar untuk membeli barang-barang keperluan untuk majlis hari lahir Maria.

Setelah kek hari lahir itu siap, ibu memasukkannya ke dalam peti sejuk. Kemudian, ibu meniup belon. Maria membantu bapanya memasang hiasan pada siling dan dinding ruang tamu.

Kira-kira pukul enam petang, mereka selesai berkemas. Bapa Maria mengajak Maria dan ibunya makan malam di luar. Maria berasa sangat letih tetapi gembira.

1. Bilakah Maria akan menyambut hari lahirnya yang kesepuluh?  
Maria akan menyambut hari lahirnya pada

2. Apakah yang dilakukan oleh Maria setelah mengemas rumah?  
Setelah mengemas rumah, Maria

3. Apakah yang dilakukan oleh ibu Maria pada adunan kek tersebut?

Ibu Maria

4. Mengapakah bapa Maria pergi ke pasar?  
Bapa Maria pergi ke pasar untuk

5. Apakah yang dilakukan oleh Maria semasa ibunya meniup belon?

Semasa ibu Maria meniup belon,